



Headline: Semak dulu, usah cair kata- kata manis
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 18 August 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 13

Semak dulu, usah cair kata-kata manis

Kerugian penipuan Macau Scam, pinjaman tak wujud meningkat

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Kerugian akibat kes penipuan termasuk *Macau Scam* dan pinjaman wang tidak wujud yang dilaporkan di negeri ini meningkat ke RM18 juta tahun ini berbanding RM9 juta tahun lalu.

Ketua Polis Kedah, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, ia susulan peningkatan kes yang amat membimbangkan terutama ketika masyarakat berdepan dengan pandemik Covid-19 ketika ini.

Katanya, penipuan itu membabitkan pelbagai kes termasuk *Macau Scam*, pinjaman wang tidak wujud, *Love Scam* dan sebagainya.

"Kuala Muda mencatatkan kes penipuan tertinggi iaitu sebanyak 323 kes diikuti Kota Setar 251 kes dan Kulim 181 kes.

"Peningkatan kes sehingga 66 peratus dan mangsa terdiri daripada pelbagai peringkat usia serta kaum dan jenis pekerjaan," katanya ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, semalam.

Kamarul Zaman berkata, sindiket penipuan turut menggunakan teknik *spoofing* ketika membuat panggilan untuk meyakinkan mangsa bahawa panggilan itu datang daripada agensi kerajaan yang dinyatakan sindiket terbabit.

Katanya, apabila mangsa menghubungi semula nombor panggilan berkenaan, secara automatik ia akan disambungkan ke pejabat agensi kerajaan berkenaan

menyebabkan mangsa percaya.

"Antara modus operandi sering digunakan mereka adalah dengan memaklumkan mangsa terbabit pengubahan wang haram, dadah, kes mahkamah yang menggunakan nama mangsa dengan jumlah saman yang tertunggak.

"Mangsa yang mempercayai kata-kata manis sindiket itu kemudian bersejua membuat transaksi ke akaun diberikan suspek tanpa membuat semakan terlebih dahulu tanpa menyedari ditipu," katanya.

Kamarul Zaman berkata, sindiket itu juga kini semakin berani, malah sanggup menyamar sebagai pegawai kanan polis termasuk ketua polis negeri untuk memperdaya mangsa bagi meyakinkan mereka untuk membuat bayaran.

Katanya, yang terbaharu



Antara modus operandi sering digunakan mereka adalah dengan memaklumkan mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram, dadah, kes mahkamah yang menggunakan nama mangsa dengan jumlah saman yang tertunggak"

Kamarul Zaman Mamat

awal bulan ini, ada pihak yang sanggup menyamar sebagai Ketua Polis Kedah dengan nama lain menyebabkan mangsa iaitu seorang lelaki berusia 70 tahun kerugian RM140,900.

"Amat mustahil pegawai kanan polis terutama ketua polis menghubungi terus mangsa untuk memaklumkan pembabitan mangsa dalam sebarang kes kerana biasanya kita akan menggunakan kaedah secara rasmi melalui surat atau sebagainya.

"Saya menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan sindiket ini dan buat semakan terlebih dahulu di mana-mana balai polis berhampiran sekiranya menerima panggilan mencurigakan yang meminta wang.

"Ketika pandemik Covid-19 ini ramai yang terkesan dan memerlukan wang sehingga sanggup membuat pinjaman tetapi jangan sewenang-wenang-

nya menyerahkan dokumen pengenalan diri bagi mengelak ditipu pinjaman tidak wujud," katanya.

Kamarul Zaman berkata, untuk penipuan *Love Scam* biasanya akan berpura-pura bercinta dengan mangsa sebelum memberitahu akan menghantar barangan istimewa dari luar negara kepada mangsa.

Namun katanya, mangsa perlu membayar duit kastam untuk memudahkan barangan itu dibawa masuk ke negara ini.

Kamarul Zaman berkata, sepanjang tempoh tahun ini, lebih 300 individu berusia 20-an hingga 30-an ditahan kerana terbabit dalam kegiatan penipuan di negeri ini dan sedang diambil tindakan.

Katanya, kebanyakan daripada mereka adalah pemilik akaun bank yang disewa untuk memudahkan urusan bayaran transaksi dilakukan oleh mangsa.

"Semua kes penipuan diasiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Sehubungan itu, Kamarul Zaman berkata, orang ramai juga boleh membuat semakan terlebih dahulu berkaitan kesahihan maklumat yang diterima melalui <https://ccid.rmp.gov.my/se-makmule/> atau muat turun aplikasi *Check Scammers CCID* di aplikasi Playstore bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

